



NAJIB TUN ABDUL RAZAK tiba pada majlis Penyerahan Kunci PPR Sri Aman dan Pelancaran Perumahan Transit Belia di Kepong, semalam.

Konsep sewa sambil menabung

KUALA LUMPUR 18 Sept. - Kerajaan hari ini memperkenalkan dasar sewa sambil menabung untuk projek Perumahan Transit Belia dalam usaha membantu golongan belia mengumpul duit untuk membeli kediaman sendiri.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, untuk permulaan 400 unit daripada 1,600 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Aman digunakan untuk Perumahan Transit Belia yang melaksanakan dasar itu.

“Melalui dasar sewa sambil

menabung ini, belia akan menyewa PPR Sri Aman pada kadar RM500 dengan RM250 disimpan untuk tabungan mereka.

“Selepas lima tahun, apabila mereka perlu berpindah keluar ke rumah sendiri, mereka sudah ada tabungan sebanyak RM15,000,” katanya ketika berucap pada majlis penyerahan kunci Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Aman dan Pelancaran Perumahan Transit Belia di Kepong dekat sini hari ini.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan turut diha-diri oleh bekas Perdana Menteri,

Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Yang turut hadir Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Ketua Wanita UMNO, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil.

Menurut Noh, daripada 1,600 unit rumah PPR Sri Aman itu, 1,000 diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menempatkan semula penduduk setinggan.

“Sebanyak 400 unit untuk Perumahan Transit Belia, manakala baki 200 unit lagi pihak kementerian akan jual menggunakan konsep sewa beli,” jelas beliau.